

UMS sasar pelajar ke program Huawei Seeds for the Future di China

NST 10.4.2019 8



CENDERA KENANGAN...Dr D Kamarudin (kiri) menyampaikan cenderahati kepada Simon (kanan).



KENANGAN...Dr D Kamarudin (duduk lima kanan) mengambil gambar kenang-kenangan bersama pelajar dan semua pihak yang menayakan program tersebut. Turut kelihatan Dr. Arham (duduk tiga kanan), Prof. Madya Ag. Asri (duduk tepi kiri), Dr. Coswald (duduk empat kanan) dan Simon (duduk empat kiri).

KOTA KINABALU: Universiti Malaysia Sabah (UMS) menyasarkan sekurang-kurangnya dua pelajar terpilih mewakili Malaysia ke program Huawei Seeds for the Future di China yang berlangsung pada 28 Jun - 13 Julai 2019.

Pengarah Pusat Jaringan Industri dan Komuniti UMS, Prof. Dr. Coswald-Stephen Sipaut @ Mohd Nasri berkata, sasaran itu berdasarkan pencapaian UMS yang sebelum ini pernah bersama beberapa pelajar universiti lain terpilih mewakili negara sebanyak dua kali.

"Sebagai makluman, program anjuran Huawei

ini akan memilih 10 pelajar terbaik dari seluruh Malaysia yang kemudiannya akan menjalani program sangkutan di Huawei, China selama dua hingga tiga minggu.

"Mereka akan bersama-sama dengan pelajar terbaik yang terpilih dari seluruh dunia untuk belajar dan diberi pendedahan tentang proses kerja bersama syarikat gergasi teknologi komunikasi bertaraf global ini," katanya.

Beliau ditemui ketika sesi pengenalan dan taklimat ringkas program Huawei Seeds for the Future di Fakulti Komputeran dan Informatik

(FKI) UMS, di sini semalam (8 April 2019).

Taklimat disampaikan Pengarah Kanan Perhubungan Awam Huawei Malaysia, Simon Ng.

Menurut Prof. Dr Coswald, taklimat yang diadakan pada kali ini antara lain bagi memaklumkan para pelajar tentang kriteria serta penilaian yang dibuat oleh pihak Huawei dalam memilih 10 pelajar terbaik untuk mewakili negara.

"Untuk layak para pelajar perlu menunjukkan komitmen yang tinggi kerana mereka perlu melepasi beberapa tapisan yang ada.

"Ia antara lain merangkumi penilaian projek, sesi temu bual dan persembahan berdasarkan tajuk yang diberi," katanya.

Taklimat yang mendapat sambutan membarangsangkan daripada hampir 200 pelajar yang mengambil bidang berkaitan ICT, turut dihadiri Naib Canselor UMS Prof. Datuk Dr. D Kamarudin D Mudin; Pengarah Bahagian Hubungan Industri Kementerian Pendidikan Malaysia, Prof. Dr. Arham Abdullah; dan Dekan FKI, Prof. Madya Ag. Asri Ag. Ibrahim.